Penemuan tujuh planet persis Bumi timbulkan kemungkinan menarik



SERUPA BUMI: Ahli astronomi temui sistem solar yang memiliki tujuh planet bersaiz seperti Bumi yang menimbulkan pelbagai kemungkinan sama ada manusia boleh menghuni planet-palnet tersebut atau ada kehidupan lain di situ. – Foto AFP, EUROPEAN SOUTHERN OBSERVATORY dan NASA

CATATAN

USTAZ DR FIRDAUS YAHYA

BARU–BARU ini, saintis mengumumkan bahawa mereka telah menemui tujuh planet yang menyerupai bumi.

Yang lebih mengagumkan ialah planet tersebut mengeliling hanya sebuah bintang yang dinamakan sebagai Trappist-1.

Pelbagai kemungkinan timbul. Apakah boleh manusia berpindah ke planet-planet tersebut satu hari nanti? Atau mungkin terdapat kehidupan lain di planet seperti itu?

Bagaimana pula pandangan Islam berkenaan penemuan ini dan kemungkinan-kemungkinan yang ditumbulkan?

KEWUJUDAN PLANET

Islam tidak menolak kemungkinan wujudnya planet-planet selain Bumi.

Malah, jika kita teliti Al-Quran, kita dapati bahawa Allah *swt* memberi isyarat jelas bahawa ada tujuh planet seperti bumi.

Firman-Nya dalam surah al-Talaq, ayat 12, yang bermaksud:

Allah-lah yang menciptakan tujuh langit dan seperti itu pula Bumi.

Adakah tujuh planet tersebut yang dimaksudkan oleh ayat Al-Quran di atas?

Jawapannya ialah tidak.

Pertama sekali, tidak semua tujuh planet tersebut didapati sesuai untuk kehidupan.

Hanya tiga sahaja daripadanya yang dikatakan berada di kedudukan yang sesuai untuk makhluk seperti manusia tinggal di sana.

Meskipun mereka mempunyai saiz yang hampir sama dengan bumi, dengan suhu yang hampir sama seperti Bumi, namun masih belum diketahui tentang kandungan atmosfera mereka.

Mungkin juga atmosfera mereka sudah lama dinyahkan ke angkasa lepas oleh bintang Trappist-1.

Para saintis akur bahawa Trappist-1 adalah bintang yang terlalu kecil.

Ini bermakna, satu ketika dahulu, ia telah meletup sehingga bahagian pusatnya sahaja yang tinggal sekarang sedangkan bahagian isinya sudah lama berterbangan ke angkasa lepas.

Ketujuh-tujuh planet tersebut berada di orbit yang terlalu dekat dengan bintang Trappist-1.

Maka besar kemungkinan, ledakan bintang Trappist-1 telah mengakibatkan apa jua atmosfera yang wujud di planet-planet tersebut berterbangan ke angkasa lepas, seperti planet Utarid (Mercury) di sistem solar kita yang berada sangat dekat dengan matahari. Planet ini tidak mempunyai atmosfera.

Maka, kalaulah manusia mendarat di tiga planet Trappist-1 itu, apa agaknya yang akan mereka dapati?

Kemungkinan besar mereka akan dapati bahawa planet tersebut gersang, tanpa atmosfera yang diperlukan untuk kehidupan.

Apa jua air yang ada di permukaan planet tersebut sudah lama kering akibat ledakan bintangnya yang kuat dan kehilangan tekanan atmosfera yang menghalang air daripada bertukar menjadi wap dengan cepat.

Memandangkan bintang Trappist-1 amat kecil, hanya seperti planet Musytari (Jupiter), maka siangnya tidak akan seterang siangnya Bumi.

Tanpa atmosfera untuk menyinari langitnya, keadaannya mungkin sama seperti langit di bulan.

Angkasawan Amerika yang mendarat di bulan mendapati keadaan langit di bulan hitam pekat dengan bintang-bintang yang bertaburan walaupun pada siang hari.

Berapa panjang tempoh siang di planet-planet tersebut? Saintis mendapati tempoh siang di setiap planet tersebut adalah sepanjang tahunnya!

Dan berapa hari dalam setahun bagi setiap planet itu?

Ketiga-tiga planet itu mengelilingi bintang Trappist-1 dalam orbit yang sangat kecil.

Maka mereka mengambil masa hanya 3, 6 dan 9 hari sahaja untuk setiap pusingan.

Ini bermakna mereka yang berada di kawasan planet yang mengadap bintang Trappist-1 akan sentiasa melihat bintang itu di atas kepala mereka selama-lamanya. Mereka tidak akan merasai malam.

Kedudukan orbit ini sama seperti kedudukan orbit bulan mengelilingi bumi di mana kita hanya dapat lihat permukaan bulan yang sama, tidak pernah di belakang bulan itu. Inilah orbit yang paling stabil dan dinamakan sebagai 'tidal-lock orbit'.

Dengan fakta-fakta ini, jelas bahawa planet-planet di Trappist-1 bukanlah planet yang menyerupai bumi seperti yang dinyatakan oleh Al-Quran.

Maka kewujudan enam planet lain seperti Bumi masih belum dijumpai. Mereka ada di luar sana dalam alam ini yang begitu luas, mungkin di jutaan galaksi yang berada nun jauh daripada Bumi.

Atau mungkin juga mereka berada di setiap tingkatan langit yang berada di luar alam kita ini.

KEWUJUDAN MAKHLUK DI LUAR BUMI

Apakah pandangan Islam berkenaan kewujudan makhluk atau kehidupan di luar bumi kita?

> Islam tidak menolak kemungkinan wujudnya planet-planet selain Bumi. Malah, jika kita teliti Al-Quran, kita dapati bahawa Allah *swt* memberi isyarat jelas bahawa ada tujuh planet seperti Bumi. Adakah tujuh planet tersebut yang dimaksudkan oleh ayat Al-Quran di atas?...
>
> **– Penulis.**

Islam tidak pernah menafikan kewujudan makluk-makhluk di luar Bumi. Malah, penciptaan kehidupan tidak terbatas di bumi ini sahaja.

Allah berfirman dalam surah al-Syura ayat 29 yang bermaksud:

"Dan di antara tanda kebesaran Allah ialah penciptaan langit dan bumi dan makluk-makhluk yang melata yang Dia telah tebarkan di kedua-duanya (langit dan bumi)."

Ayat ini jelas menyatakan bahawa alam yang luas ini yang mengandungi planet-planet yang tidak terkira jumlahnya, sudah pasti mempunyai makhluk dan kehidupan.

Maka tidak mustahil para saintis akan menjumpai sama ada kuman, tumbuhan malah binatang di planet-planet lain.

Sejauh ini para saintis telah menemui kesan-kesan kewujudan bakteria di planet Marikh.

Jika wujud kehidupan di luar Bumi, apakah ia sama bentuknya dengan kehidupan di Bumi?

Tidak semestinya demikian. Allah *swt* berkuasa untuk mencipta apa jua bentuk makhluk, seperti makhluk yang tidak memerlukan air untuk kehidupan.

Makhluk ciptaan Allah *swt* di alam yang luas ini sudah pasti akan mengkagumkan manusia apabila dijumpai kelak.

Persoalan yang selalu timbul apabila membicarakan tentang wujudnya makhluk di luar angkasa ialah, adakah makhluk tersebut mempunyai teknologi yang memungkinkan mereka menziarahi bumi kita?

Majoriti saintis percaya bahawa tiada bukti kukuh yang menunjukkan bahawa Bumi ini pernah diziarahi makhluk dari luar angkasa.

Tiada juga dalam sejarah Islam yang menunjukkan bahawa Rasulullah *saw* berdakwah dengan makhluk dari luar Bumi.

Namun, kita tidak boleh tolak kemungkinan wujudnya makhluk yang berakal dan mempunyai teknologi di angkasa raya yang begitu luas, dengan ratusan bilion galaksinya dengan ratusan bilion bintang dalam setiap galaksi.

Dan ini baru alam atau langit yang pertama. Bagaimana pula enam langit yang lain?

Kekayaan Allah swt tidak terbatas.

Maha suci Allah, sebaik-baik Pencipta.

▶ *Penulis Pengasas Pusat Pendidikan Darul Huffaz*

FORUM

Usul atasi sesak di Masjid Wak Tanjong pada solat Jumaat

SAYA terbaca artikel di *Berita Harian* pada 24 Februari 2017 oleh Samsul Jangarodin bertajuk *Masjid Wak Tanjong komited tawar program dan khidmat lebih baik* dan ingin memberi pendapat dan usulan yang saya harap dapat meningkatkan khidmat kepada jemaah yang berkunjung ke masjid tersebut.

Saya berasa terkesan dengan pernyataan penulis bahawa "Tidak seperti masjid satelit yang sering dibanjiri jemaah dari estet berhampiran, Masjid Wak Tanjong tidak berupaya merasakan nikmat serupa".

In merupakan pernyataan yang tidak benar kerana saya berpeluang ke Masjid Wak Tanjong pada beberapa Jumaat lalu dan hampir setiap kali ia penuh sesak dengan begitu ramai jemaah, termasuk pelajar Madrasah Wak Tanjong yang berdekatan.

Ruang solat bagi imam terpaksa dialihkan keluar bahagian hadapan untuk menampung jemaah yang begitu ramai sehinggakan hampir ada yang mendirikan solat di kawasan wuduk yang basah.

Saya berharap pihak Masjid Wak Tanjong dapat bekerjasama dengan Madrasah Wak Tanjong untuk menyediakan ruang bagi menampung jumlah jemaah pada Jumaat.

Jika pihak madrasah tidak dapat membuka ruang untuk menunaikan solat Jumaat untuk umum, sekurang-kurangnya ia dapat mengadakan solat Jumaat di bangunan madrasah bagi pelajarnya sendiri untuk mengelakkan kesesakan yang dialami sekarang.

Mungkin kerjasama antara Masjid Wak Tanjong dengan Madrasah Wak Tanjong akan menawarkan program dan khidmat lebih cemerlang seperti yang diharapkan.

▶ **OSMAN V P MOHAMED**